

Headline	PENYAKIT SEKS YANG ANDA PERLU TAHU		
MediaTitle	Perempuan		
Date	30 Jun 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	65,000
Page No	110,111	Readership	130,000
Language	Malay	ArticleSize	592 cm ²
Journalist	Eleanor Ancalime	AdValue	RM 3,654
Frequency	Monthly	PR Value	RM 10,962



kesihatan
SUSUNAN OLEH ELEANOR ANCALIME

PENYAKIT SEKS YANG ANDA PERLU TAHU!

Dahulu, penyakit ini terkenal dengan nama Veneral Disease yang melibatkan kebarangkalian ketara melalui tingkah laku hubungan seks, termasuk persetubuhan faraj, seks oral dan seks dubur.

Setelah beberapa dekad kajian yang dilakukan, ternyata didapati bahawa jumlah penyakit yang timbul akibat hubungan seks semakin bertambah, kemudian istilah veneral Disease diganti dengan istilah Sexually Transmitted Disease (STD) yang dalam bahasa melayu dikenali dengan istilah Penyakit Jangkitan Seks

Berikut ini adalah jenis penyakit seks yang sering kita temui:

GONORIA

Gonoria yang paling banyak dijumpai

PENYAKIT SEKS ADALAH PENYAKIT YANG PENULARANNYA MELALUI HUBUNGAN SEKS. PERLU DIKETAHUI BAHAWA TEMPAT TERJANGKIT PENYAKIT SEKS TIDAK SEMATA-MATA PADA BAHAGIAN ALAT KELAMIN SAJA.



GAMBAR HIASAN

Headline	PENYAKIT SEKS YANG ANDA PERLU TAHU		
MediaTitle	Perempuan		
Date	30 Jun 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	65,000
Page No	110,111	Readership	130,000
Language	Malay	ArticleSize	592 cm ²
Journalist	Eleanor Ancalime	AdValue	RM 3,654
Frequency	Monthly	PR Value	RM 10,962

sebagai penyakit seks. Namun Gonoria termasuk penyakit seks yang mudah diubati walaupun penanganannya lambat atau perubatannya kurang tepat boleh menimbulkan komplikasi yang cukup membahayakan. Bakteria yang menyebabkan penyakit Gonoria ini adalah Neisseria Gonorohoeae yang tergolong sebagai bakteria diplokokus yang berbentuk seperti buah kopi

Gejala jangkitan Gonoria:

- Rasa sakit di sekitar perut bahagian bawah
- Terdapat keputihan
- Perasaan tidak enak di bahagian perut bawah
- Sakit saat berhubungan seksual (dispareunia)
- Sukar mendapatkan zuriat

SIFILIS

Jenis penyakit seks kedua ini jarang ditemui sejak diperkenalkan antibiotik penisillin. Penyebab dari penyakit sifilis ini adalah Treponema Pallidum Spirochaeta dan menular melalui hubungan seks.

Jangkitan sifilis ditandai dengan gejala berupa bintil mirip jerawat yang tidak sakit di kelamin. kemudian bintil ini



GAMBAR HIASAN

berubah menjadi luka dengan tepi lebih tinggi daripada permukaan kulit organ intim.

Komplikasi yang mungkin dialami pesakit ialah penyakit jantung dan juga jangkitan pada otak.

Jika penyakit sifilis menjangkiti wanita yang hamil, dan tidak diubati berkemungkinan besar bayi yang akan dilahirkan menjadi cacat.

Kajian terbaru juga menunjukkan penyakit ini memberi laluan kepada penularan HIV.

Gejala Sifilis:

- Timbulnya luka yang tidak sakit pada zakar, bibir kemaluan, atau leher rahim (serviks)
- Jangkitan boleh berlanjutan menyerang organ pembiakan yang lain, seperti: otak, pembuluh darah dan jantung, urat saraf,

serta sumsum tulang belakang.

TRIKOMONIASIS

Trikomoniasis adalah jangkitan alat sulit wanita. Penyakit ini biasanya berbentuk vaginitis trikomonas atau sistitis jangkitan saluran kencing. Ada diantaranya terdapat secara bersamaan, hidup dari sisa sel, kuman, dan benda lain dalam lendir vagina.

Gejala Trikomoniasis:

- Pada umumnya wanita yang menderita jangkitan protoza ini tidak mengalami gejala apapun
- Keputihan yang berwarna hijau, berlendir, berbau busuk, serta jumlah pengeluaran cairannya semakin meningkat
- Peradangan di vulva vagina
- Peningkatan frekuensi buang air kecil
- Gatal - gatal di sekitar vagina